

Hindari rebut jawatan, tumpu bangunkan orang Melayu

KUALA LUMPUR, 17 Jun — Pemimpin-pemimpin dan ahli UMNO digesa supaya **menghindari** perebutan jawatan, **sebaliknya** menumpukan **kepada agenda membangun** dan **memperkasakan** orang-orang Melayu **serta meraih kemenangan besar** dalam pilihan raya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, pimpinan UMNO **harus berusaha mengelakkan** perpecahan **akibat daripada** perebutan kuasa hingga **menjejaskan fungsi** pertubuhan tersebut.

"Kalau perebutan jawatan boleh **menjejaskan** UMNO, **sebaik-baiknya** nimvinan **mengelakkannya** dari berbuat demikian. UMNO tidak boleh **membiarkan dirinya** lemah

dan tidak **terwibawa** akibat perpecahan.

"Ini juga boleh **mendatangkan** kesan **besar** kepada **parti-parti** komponen lain **dalam Barisan Nasional (BN)**. Kita mahu memenangi pilihan **raya** bukannya memenangi **jawatan peribadi** dalam UMNO," katanya kepada **pembekita** selepas merasmikan **Majlis Sambutan Hari Guru 2003** peringkat **Negeri Selangor** di Hotel Flamingo, di **sini hari ini**.

Beliau berkata **demikian** ketika diminta mengulas **kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** dalam Wawancara Khas **Mingguan Malaysia** **semalam** yang melahirkan **kebingungan** **terjadinya** **pergolakan parti** itu selepas era kepimpinannya **Oktober ini**.

Dalam wawancara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau **khuatir** terjadi perebutan **jawatan kanan parti** **terutamanya** Timbalan Presiden **pada** pemilihan UMNO **tahun depan**.

Sehubungan itu, Mohamad Khir berkata, perlu **ada persefahaman** yang jitu di kalangan **pimpinan dan perwakilan** dalam **Perhimpunan Agung UMNO** yang ke-57 yang akan **berlangsung pada** 17 hingga 21 Jun ini.

"Kita perlu **renung dan berazam** **untuk** mengubah sikap **apabila Perdana Menteri tidak** berpuas hati dengan **sikap** orang Melayu. Jadi **kita** perlu bersatu dan mengubah **sikap** masing-masing.